

PEJABAT PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG

d/a LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG
No. 20, MENARA LPP, JALAN SULTAN SALAHUDDIN, 50480 KUALA LUMPUR
ATAU KARUNG BERKUNCI 11005, 50990 KUALA LUMPUR

Laman Web: <http://www.lpp.gov.my>
E-mail: info@lpp.gov.my
E-mail Bahagian: lpphq_penyeliaan@lpp.gov.my

TEL: 03-2610 9600 FAX: 03-2697 0872 BAHAGIAN PENYELIAAN TEL: 03-2610 9600 FAX: 03-2697 0872

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : LPP(B) 5/6 Jld 7 (26)
Tarikh :

4 Februari 2016

ARAHAN PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG BILANGAN 1 TAHUN 2016

PENCALONAN AHLI JEMAAH PENGARAH (AJP) DI SEMUA PERINGKAT PERTUBUHAN PELADANG (PP)

1. TUJUAN

Arahan ini dikeluarkan bertujuan untuk menjelaskan mengenai pencalonan Ahli Jemaah Pengarah (AJP) di semua peringkat Pertubuhan Peladang (PP).

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Peraturan 35 Peraturan-Peraturan PP 1983 (Pindaan) 2016 telah meminda komposisi AJP di semua peringkat PP dan ini membolehkan sekurang-kurangnya dua orang peladang muda dan dua orang peladang wanita dipilih untuk menjadi AJP PP.
- 2.2 Pada masa kini penglibatan peladang muda yang berusia 40 tahun ke bawah amat kurang iaitu seramai 18 orang (0.9%) berbanding dengan AJP yang berusia melebihi 60 tahun iaitu 1,193 orang (60.7%). Terdapat seramai 112 orang wanita yang dipilih sebagai AJP iaitu hanya 5.7% daripada jumlah keseluruhan Jemaah Pengarah. Ini jelas menunjukkan bahawa penglibatan peladang

muda dan peladang wanita di peringkat kepimpinan PP adalah amat rendah.

- 2.3 Sehubungan dengan itu, pindaan ini dapat menggalakkan lebih ramai peladang muda dan peladang wanita bergiat aktif dalam pergerakan PP dan seterusnya membolehkan mereka menjadi pemimpin PP.

3. TAFSIRAN

“Peladang Muda” ertinya seseorang yang berumur di bawah empat puluh tahun yang menjadi ahli Pertubuhan Peladang.

“Peladang Nita” ertinya seorang wanita yang menjadi ahli Pertubuhan Peladang.

4. PUNCA KUASA

- 4.1 Punca kuasa bagi Arahan ini dibuat di bawah Peraturan 85 Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang 1983 seperti berikut:-

“Pendaftar boleh, jika difikirkannya perlu mengeluarkan arahan-arahan atau menetapkan borang-borang pada melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta dan Peraturan-Peraturan ini”.

- 4.2 Peraturan 54(7) Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang 1983:-

“Jika Pendaftar berpendapat bahawa sesuatu pindaan adalah perlu, Pendaftar boleh meminta Pertubuhan Peladang itu untuk meminda perlembagaannya dengan sewajarnya dan boleh menetapkan tempoh dalam mana pindaan tersebut mesti dibuat; dan jika, setelah tamat tempoh yang ditetapkan itu, tiada pindaan

yang telah dibuat, Pendaftar hendaklah mendaftarkan pindaan itu dan dengan itu perlembagaan itu hendaklah disifatkan telah dipinda dengan sewajarnya”.

4.3 Peraturan 36 Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang 1983 (Pindaan) 2016 : Calon-Calon Bagi Pemilihan Pengarah

36(1): Bilangan calon yang akan dinamakan oleh tiap-tiap unit ahli dalam suatu Pertubuhan Peladang bagi pemilihan sebagai pengarah hendaklah ditentukan oleh Pendaftar.

36(2): Subperaturan (1) tidak terpakai kepada suatu koperasi berasaskan pertanian”.

5. **KELAYAKAN CALON AJP**

5.1 Tertakluk kepada Peraturan 35(4) Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang 1983 (Pindaan) 2016 iaitu mana-mana AJP yang dipilih layak untuk dipilih semula bagi tempoh maksimum tiga penggal berturut-turut dan tidak boleh dipilih semula selepas tamat tempoh maksimum untuk tempoh sekurang-kurangnya satu penggal tiga (3) tahun.

5.2 Ahli-ahli PP termasuk Peladang Muda dan Peladang Nita yang layak mengikut Peraturan 27(1)(b) Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang 1983, Perkara 13 dan 14(i)(b) Perlembagaan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) boleh dicalonkan untuk memegang jawatan AJP.

5.3 Walaubagaimanapun, calon AJP Peladang Muda hendaklah berumur di bawah empat puluh tahun semasa penamaan dibuat di semua peringkat PP. Sekiranya dipilih, semasa memegang jawatan AJP telah mencapai umur empat puluh tahun maka boleh terus

memegang jawatan tersebut sehingga satu penggal iaitu selama tiga (3) tahun. Contoh perkiraan umur calon AJP Peladang Muda adalah seperti berikut :

CONTOH PERKIRAAN UMUR

Tarikh Lahir	Tarikh MAT UP	Kelayakan	Tarikh MAT PPK	Kelayakan	Tarikh MAT PPN	Kelayakan
30/4/1976	30/4/2016	Tidak layak dicalon	30/7/2016	Tidak layak dicalon	30/9/2016	Tidak layak dicalon
Umur	40 thn		40 thn 3 bln		40 thn 5 bln	
30/11/1976	30/4/2016	Layak dicalon	31/7/2016	Layak dicalon	30/9/2016	Layak dicalon
Umur	39 thn 5 bln		39 thn 8 bln		39 thn 10 bln	

Nota:

MAT : Mesyuarat Agong Tahunan

UP : Unit Peladang

- 5.4 Setiap calon hanya layak untuk satu pencalonan sahaja dan calon hendaklah daripada kalangan perwakilan. Pencalonan ini tidak terpakai kepada perwakilan koperasi berasaskan pertanian.

6. TATACARA PENCALONAN AJP DI SEMUA PERINGKAT PP

- 6.1 Berdasarkan kepada Peraturan 35 (1) Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang 1983 (Pindaan) 2016 : Jemaah Pengarah –
- a. bagi setiap Pertubuhan Peladang Kawasan hendaklah terdiri daripada sebelas orang ahli yang dipilih dalam Mesyuarat Agong Tahunan yang empat orang daripadanya merupakan dua orang Peladang Muda dan dua orang Peladang Nita;
 - b. bagi setiap Pertubuhan Peladang Negeri hendaklah terdiri daripada tiga belas orang yang dipilih dalam Mesyuarat

Agong Tahunan yang empat orang daripadanya merupakan dua orang Peladang Muda dan dua orang Peladang Nita; dan

- c. bagi Pertubuhan Peladang Kebangsaan hendaklah terdiri daripada sebelas orang yang dipilih dalam Mesyuarat Agong Tahunan dan empat orang yang dilantik oleh Menteri;

6.2 Pendaftar telah menetapkan bilangan pencalonan AJP dalam Mesyuarat Agong Tahunan di semua peringkat PP adalah seperti berikut :

Bilangan pencalonan AJP PPK di Mesyuarat Agong Tahunan Unit Peladang :

- i. **7 orang AJP** [terbuka kepada ahli-ahli PP yang layak mengikut Peraturan 27(1)(b) Peraturan-Peraturan PP 1983, Perkara 13 dan 14(i)(b) Perlembagaan PPK]

1 - 2 Unit Peladang	-	10 calon/UP
3 - 4 Unit Peladang	-	4 calon/UP
5 - 6 Unit Peladang	-	3 calon/UP
7 - 10 Unit Peladang	-	2 calon/UP
Melebihi 10 Unit Peladang	-	1 calon/UP

- ii. **2 orang AJP Peladang Muda**

1 Unit Peladang	-	1 calon/UP
-----------------	---	------------

Kecuali

PPK Kandis dan PPK Sg.Chenaam – 5 calon/PPK

iii. **2 orang AJP Peladang Nita**

1 Unit Peladang - 1 calon/UP

Kecuali

PPK Kandis dan PPK Sg.Chenaam – 5 calon/PPK

6.3 Pentadbiran hal ehwal PPN terdiri daripada 13 AJP yang dipilih dalam Mesyuarat Agung iaitu :

- i. 9 orang AJP
- ii. 2 orang AJP Peladang Muda
- iii. 2 orang AJP Peladang Nita

Bilangan pencalonan AJP PPN di Mesyuarat Agung Tahunan PPK adalah seperti berikut :

- i. 9 orang AJP
 - 7 - 15 PPK - 2 calon/PPK
 - Melebihi 15 PPK - 1 calon/PPK

Kecuali

 - PPN Melaka - 3 calon/PPK
 - PPN Labuan - 7 calon/PPK
- ii. 2 orang AJP Peladang Muda
 - 1 PPK - 1 calon/PPK

Kecuali

 - PPN Labuan - 3 calon/PPK
- iii. 2 orang AJP Peladang Nita
 - 1 PPK - 1 calon/PPK


Kecuali

 - PPN Labuan - 3 calon/PPK

6.4 Bilangan pencalonan AJP Pertubuhan Peladang Kebangsaan di Mesyuarat Agung Tahunan PPN adalah tidak melebihi dua (2) orang bagi setiap PPN.

7. **TARIKH KUATKUASA**

Arahan Pendaftar ini berkuatkuasa mulai **5** haribulan **Februari** Tahun Dua Ribu Enam Belas dan dengan pemakaian Arahan Pendaftar ini, maka Pekeliling Pendaftar Bil. 13 Tahun 1984 adalah dibatalkan.



(DATO' HAJI MOHD SALIM BIN HAJI TAHA)
Pendaftar
Pertubuhan Peladang